



AmAssurance

# AmStyle Guard



## Polisi Insurans AmStyle Guard

**Liberty General Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P)

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



1 800 88 6333

[customer@amassurance.com.my](mailto:customer@amassurance.com.my)

[www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

# Kandungan:

<b>1</b>	<b>Definisi</b>	<b>1</b>
<b>2</b>	<b>Seksyen 1: Kemalangan Diri</b>	<b>3</b>
1.	Kematian Akibat Kemalangan	3
2.	Hilang Upaya Kekal	3
3.	Indemniti Berganda	4
4.	Perbelanjaan Perubatan	4
5.	Perbelanjaan Pengebumian	4
6.	Penghantaran Balik Jenazah	4
7.	Belian Peralatan Ortopedik	5
8.	Fi Ambulans	5
9.	Pendapatan Hospital Harian	5
10.	Perbelanjaan Rawatan Selepas Penghospitalan	5
11.	Liabiliti Diri	5
12.	Pemindahan Perubatan Kecemasan Dan Penghantaran Balik Ketika Di Luar Negara (termasuk penyakit)	6
13.	Perbelanjaan Perubatan Dikenakan Ketika Di Luar Negara (termasuk penyakit)	7
14.	Lawatan Ehsan Akibat Kematian/Penghospitalan Orang Yang Diinsuranskan Ketika Di Luar Negara (termasuk penyakit)	7
<b>3</b>	<b>Seksyen 2: Kecurian</b>	<b>7</b>
15.	Kehilangan Wang Akibat Ragut Mana-mana Sahaja Di Malaysia (Had Agregat Tahunan RM1,000)	7
16.	Kehilangan Barang Peribadi Akibat Ragut Mana-mana Sahaja Di Malaysia (Had Agregat Tahunan RM1,000)	8
17.	Kehilangan Isi Kandungan Rumah Disebabkan Oleh Pecah Masuk (Dengan Pecah Masuk Secara Paksa)	8
18.	Penggantian Pintu, Kunci, Tingkap (Sehingga RM200) Setahun	8
<b>4</b>	<b>Fasal</b>	<b>9</b>
<b>5</b>	<b>Pengecualian</b>	<b>14</b>
<b>6</b>	<b>Syarat-syarat</b>	<b>16</b>
<b>7</b>	<b>Fasal dan Pengendorsan</b> (hanya diguna pakai sekiranya dinyatakan dalam Jadual)	<b>19</b>
<b>8</b>	<b>Notis Penting</b>	<b>20</b>

# Polisi Insurans AmStyle Guard

DUTI SETEM JELAS

**Polisi** ini dikeluarkan sebagai pertimbangan bagi pembayaran premium seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** dan menurut jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **Anda** (semasa **Anda** memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** antara masa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau apabila **Anda** memohon untuk insurans ini) dan masa kontrak ini ditandatangani.

Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **Anda** akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan **Kami**.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran kewajipan pendedahan prakontrak dan salah nyata yang dibuat berhubung dengan jawapan **Anda** atau dalam mana-mana pendedahan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedii dalam Jadual 9 dan mana-mana fasal yang berkaitan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

**Polisi** ini mencerminkan terma dan syarat bagi kontrak insurans yang dipersetujui antara **Anda** dan **Kami**.

Tajuk tidak membentuk sebahagian daripada Susunan Kata **Polisi**.

**Polisi** ini menetapkan perlindungan insurans yang **Anda** terima seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Sesetengah perkataan dan pernyataan telah dicetak dalam huruf tebal kerana diberikan maksud khusus dalam **Polisi**. **Anda** boleh membaca maksudnya di bawah bahagian Definisi.

## 1

## Definisi

Untuk tujuan **Polisi** ini, definisi berikut diguna pakai:

1. **Kemalangan/Kejadian Malang Yang Tidak Disengajakan** bermakna kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangkakan, luar biasa dan tertentu yang berlaku pada masa dan di tempat yang dikenal pasti yang hendaklah, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi **Kecederaan Anggota Badan**.
2. **Aktiviti Kehidupan Harian** bermakna:
  - (a) Pemindahan : Berupaya untuk duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
  - (b) Mobiliti : Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
  - (c) Pengawalan Diri : Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semula jadi seperti untuk menjaga kebersihan diri.
  - (d) Memakai Pakaian : Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
  - (e) Mandi/Membersihkan Diri : Keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau mandi pancuran (meliputi pergerakan masuk atau keluar dari bilik mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri melalui apa jua cara lain.
  - (f) Makan : Semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan telah disediakan.
3. **Kecederaan Anggota Badan** bermakna kecederaan yang dialami dalam **Tempoh Insurans** yang disebabkan secara langsung oleh **Kejadian Malang Yang Tidak Disengajakan**, keganasan, secara luaran dan ketara.
4. **Pergaduhan** bermakna pertelingkahan atau perkelahian yang bising, kecoh dan sering bersifat ganas sama ada dengan atau tanpa provokasi.
5. **Wang** bermakna wang dalam bentuk matawang fizikal, seperti wang kertas dan duit syiling.
6. **Demonstrasi** bermakna manifestasi atau sokongan rasa tidak puas hati atau bantahan melalui perhimpunan dan perarakan awam.

7. **Doktor** bermakna pengamal perubatan berdaftar (selain daripada **Anda/Orang Yang Diinsuranskan, Pasangan Suami/Isteri** atau saudara-mara terdekat **Anda/Orang Yang Diinsuranskan**) yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan.
8. **Negara Asal** bermakna mana-mana negara di mana **Orang Yang Diinsuranskan** merupakan warganegara atau pemastautin tetap kecuali Malaysia.
9. **Hospital** bermakna mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau mana-mana pihak berkuasa yang setaraf dan dikendalikan secara sah untuk penjagaan dan rawatan orang yang cedera dengan kelengkapan yang teratur untuk diagnosis dan pembedahan, mempunyai khidmat kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat yang berijazah dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan terutamanya dan sepenuhnya sebagai rumah jagaan, institusi mental, tempat pemulihan atau rawatan penagih alkohol atau dadah, atau rumah jagaan orang tua.
10. **Isi Kandungan Rumah** bermakna barang rumah dan barang peribadi setiap deskripsi milik **Anda** atau mana-mana ahli keluarga **Anda** yang biasanya bermastautin dengan **Anda** yang mana ekspresi itu hendaklah termasuk rumah kediaman persendirian, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium dan semua pejabat dalam negeri, kandang, garaj dan bangunan luar yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya dan berada di premis. Tidak termasuk stok/item yang berkaitan dengan perniagaan/profesion **Anda**.
11. **Penyakit** bermakna keadaan fizikal yang ditandakan oleh penyimpangan patologi daripada keadaan kesihatan normal yang boleh dilihat dengan jelas dalam **Tempoh Insurans**, kecuali sebarang **Keadaan Pra-Wujud**.
12. **Pihak Diinsuranskan/Anda** bermakna orang yang dinamakan sebagai **Pihak Diinsuranskan** dalam **Jadual** dan yang membayar premium berumur antara enam belas (16) tahun dan enam puluh lima (65) tahun, dan boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh (70) tahun. **Pihak Diinsuranskan** yang berumur enam belas (16) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli **Polisi** insurans ini.
13. **Orang Yang Diinsuranskan** bermakna orang yang dinamakan dalam **Jadual** yang menerima perlindungan di bawah **Polisi** ini. Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:
  - a) warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau **Pasangan Suami/Isterinya** yang menetap di Malaysia; dan
  - b) berumur antara enam belas (16) tahun dan enam puluh lima (65) tahun dan boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh (70) tahun dalam **Tempoh Insurans**.
14. **Kehilangan Pendengaran** bermakna kehilangan pendengaran menyeluruh kekal dan tidak boleh pulih.
15. **Kehilangan Penglihatan** bermakna kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak boleh pulih yang menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** menjadi buta sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan oleh rawatan pembedahan atau rawatan lain.
16. **Kehilangan Upaya Bertutur** bermakna ketidakupayaan menyeluruh dan kekal untuk berkomunikasi secara lisan.
17. **Cuti Umum Seluruh Malaysia** bermakna cuti umum kebangsaan di Malaysia seperti diwartakan dan diisyiharkan oleh kerajaan Malaysia; ia tidak termasuk cuti umum negeri.
18. **Luar Negara** bermakna sebarang destinasi di luar Malaysia.
19. **Tempoh Insurans** bermakna tempoh di mana **Orang Yang Diinsuranskan** dilindungi untuk perlindungan insurans seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.
20. **Polisi** bermakna kontrak insurans **Anda** yang mengandungi susunan kata **Polisi**, **Jadual** dan sebarang pengendorsan.
21. **Keadaan Pra-Wujud** bermakna apa-apa keadaan perubatan yang **Anda** telah ketahui sebelum tarikh mula **Polisi** ini. **Anda** dianggap telah mengetahui tentang **Keadaan Pra-Wujud** di mana keadaan tersebut adalah salah satu daripada berikut:
  - a) **Anda** telah menjalani diagnosis; atau
  - b) wujud gejala-gejala yang akan menyebabkan orang biasa yang prihatin tentang soal kesihatan akan pergi mendapatkan diagnosis, penjagaan atau rawatan; atau
  - c) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disarankan oleh **Doktor**, tanpa mengambil kira sama ada rawatan sebenarnya telah diterima sebelum tarikh mula **Polisi** ini; atau
  - d) **Anda** telah atau sedang menerima rawatan.

22. **Pengangkutan Awam** bermakna sebarang pengangkutan yang disediakan oleh pengendali berdaftar untuk kegunaan oleh orang awam sebagai penumpang yang membayar tambang, lazimnya diuruskan menerusi perkhidmatan berjadual biasa dan laluan yang tetap. **Pengangkutan Awam** termasuk teksi dan perkhidmatan e-Hailing tetapi tidak termasuk semua kaedah pengangkutan yang disewa khas atau diatur sebagai sebahagian daripada lawatan pelancongan walaupun jika perkhidmatan tersebut dijadualkan secara tetap.
23. **Jadual** bermakna **Polisi/jadual pengendorsan**, di mana butiran, faedah dan jumlah diinsuranskan **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan.
24. **Ragut** bermakna perbuatan jenayah yang mencuri secara paksa dengan menggunakan taktik merompak dan lari.
25. **Pasangan Suami/Isteri** bermakna **Pasangan Suami/Isteri Pihak Diinsuranskan** menerusi perkahwinan sah dibawah undang-undang Malaysia yang dinamakan dalam **Jadual**.
26. **Jumlah Diinsuranskan** bermakna jumlah diinsuranskan menurut pelan yang **Anda** beli.
27. **Hilang Upaya Kekal Menyeluruh** bermakna hilang upaya fizikal yang disebabkan oleh kecederaan dan bermula dalam tempoh dua belas (12) bulan kalender dari tarikh **Kemalangan, Orang Yang Diinsuranskan** mengalami hilang upaya menyeluruh, berterusan dan kekal dan tidak dapat melakukan tiga (3) atau lebih **Aktiviti Kehidupan Harian** seperti yang ditakrifkan yang lazimnya boleh dilakukan dalam kehidupan hariannya sekiranya hilang upaya tersebut tidak berlaku.
28. **Kecurian** bermakna perlakuan secara paksa dan kekerasan yang memecah masuk atau keluar dari premis oleh pihak ketiga.
29. **Kami/Kita/Syarikat** bermakna Liberty General Insurance Berhad.

## 2

## Seksyen 1: Kemalangan Diri

### FAEDAH-FAEDAH

#### 1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Jika dalam **Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** yang menyebabkan kematiannya dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh **Kemalangan, Kami** akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada **Anda** atau penama **Anda** atau Pentadbir atau Wasi harta pusaka **Anda**.

Selepas menerima laporan polis, sijil kematian dan laporan bedah siasat, **Kami** akan membayar 10% daripada **Jumlah Diinsuranskan** sebagai bayaran tunai kecemasan. Walau bagaimanapun, bayaran tunai kecemasan ini bukan perakuan liabiliti serta-merta dan sekiranya kematian Akibat **Kemalangan** tidak berlaku menurut terma, proviso, pengecualian dan syarat **Polisi**, bayaran tunai kecemasan perlu dipulangkan kepada **Kami** dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh notis **Kami**.

#### 2. HILANG UPAYA KEKAL

Jika dalam **Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** yang menyebabkan mana-mana satu daripada Hilang Upaya Kekal berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh **Kemalangan, Kami** akan membayar kepada **Anda** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** mengikut Jadual Pampasan di bawah.

Jadual Pampasan

Keterangan Hilang Upaya Kekal	Peratusan Pampasan (%)
1) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh	100
2) Lumpuh sepenuhnya atau terlantar sakit di katil secara kekal	100
3) Kehilangan a) satu tangan atau lengan b) satu kaki atau bahagian paha	100
4) Kehilangan Penglihatan pada satu atau kedua-dua mata	100
5) Kehilangan a) Pendengaran kedua-dua telinga b) Pendengaran pada satu telinga c) Upaya Bertutur	75 15 50

Keterangan Hilang Upaya Kekal	Peratusan Pampasan (%)
6) Kehilangan a) empat jari dan ibu jari pada satu tangan b) empat jari pada satu tangan	50 40
7) Kehilangan ibu jari - kedua-dua falanks - satu falanks	25 10
8) Kehilangan jari telunjuk - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	10 8 4
9) Kehilangan jari tengah - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	6 4 2
10)Kehilangan jari manis - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	5 4 2
11)Kehilangan jari kelingking - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	4 3 2
12)Kehilangan jari kaki - semua pada satu kaki - ibu jari, kedua-dua falanks - ibu jari, satu falanks - selain ibu jari, jika kehilangan lebih daripada satu jari, setiap satu	15 5 2 1

### 3. INDEMNITI BERGANDA

Kami akan membayar dua kali ganda **Jumlah Diinsuranskan** yang dilindungi untuk Faedah 1 (Kematian Akibat **Kemalangan**) atau Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami sama ada kematian atau kuadriplegia kekal (kehilangan atau kehilangan penggunaan empat anggota secara menyeluruh dan kekal) atau lumpuh menyeluruh dari leher ke bawah disebabkan **Kemalangan** dan **Kemalangan** tersebut berlaku:

- a) ketika **Cuti Umum Seluruh Malaysia**; atau
- b) ketika dalam perjalanan sebagai penumpang membayar di dalam sebarang jenis **Pengangkutan Awam**.

Sekiranya suatu tuntutan telah dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** untuk Faedah Indemniti Berganda, tiada faedah akan dibayar di bawah Faedah 1 (Kematian Akibat **Kemalangan**) atau Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) untuk sebarang kejadian.

### 4. PERBELANJAAN PERUBATAN

Sekiranya disebabkan oleh **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan**, **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan rawatan oleh **Doktor**, perlu dimasukkan ke **Hospital** atau mendapatkan khidmat jururawat berlesen atau berijazah untuk menjaga **Orang Yang Diinsuranskan** dan dicadangkan oleh **Doktor** yang merawat, Kami akan membayar kepada **Anda** perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam masa lima puluh dua (52) minggu dari tarikh **Kemalangan** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual**.

### 5. PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Kami akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada **Anda** atau penama **Anda** atau Pentadbir atau Wasi harta pusaka **Anda** apabila terdapat tuntutan sah yang perlu dibayar di bawah Faedah 1 (Kematian Akibat **Kemalangan**).

### 6. PENGHANTARAN BALIK JENAZAH

Kami akan membayar balik sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk kos pengangkutan sebenar yang munasabah yang ditanggung bagi menghantar balik jenazah **Orang Yang Diinsuranskan** ke Malaysia jika kematian **Orang Yang Diinsuranskan** adalah disebabkan **Kemalangan** semasa membuat perjalanan di luar Malaysia dan/atau **Negara Asalnya**.

Walau bagaimanapun, jika **Orang Yang Diinsuranskan** layak mendapat pembayaran balik perbelanjaan sama ada penuh atau sebahagian daripada mana-mana sumber lain, **Kami** hanya akan membayar baki jumlah yang tidak dibayar oleh sumber lain (jika ada).

## 7. BELIAN PERALATAN ORTOPEDIK

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami Hilang Upaya Kekal akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Anda** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual**, kos sebenar membeli peralatan berikut dengan syarat peralatan perubatan tersebut perlu untuk membantu pergerakan **Orang Yang Diinsuranskan** dan dicadangkan oleh **Doktor** yang merawat:

- a) kerusi roda;
- b) tangan atau kaki palsu; dan/atau
- c) topang.

## 8. FI AMBULANS

**Kami** akan membayar kepada **Anda** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk fi ambulans yang ditanggung bagi pengangkutan **Orang Yang Diinsuranskan** pergi ke dan/atau balik dari **Hospital** berikutnya **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan**.

## 9. PENDAPATAN HOSPITAL HARIAN

**Kami** akan membayar kepada **Anda** faedah harian yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk tempoh penghospitalan **Orang Yang Diinsuranskan** ke **Hospital** disebabkan oleh **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** sehingga maksimum tujuh (7) hari setiap **Kemalangan**. Semua tempoh kemasukan **Hospital** atas sebab yang sama akan dianggap sebagai satu **Kemalangan**. Faedah ini akan dibayar untuk setiap tempoh penghospitalan selama dua puluh empat (24) jam penuh dan penghospitalan tersebut berlaku dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh **Kemalangan**.

## 10. PERBELANJAAN RAWATAN SELEPAS PENGHOSPITALAN

**Kami** akan membayar balik kepada **Anda** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk rawatan susulan yang perlu secara perubatan oleh **Doktor** sama yang merawat dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari sebaik sahaja selepas dibenarkan keluar dari **Hospital** untuk mana-mana satu **Kemalangan**. Faedah ini hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital disebabkan oleh **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** selama minimum tujuh (7) hari berturut-turut.

## 11. LIABILITI DIRI

**Kami** akan memberi indemniti kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** berkenaan dengan:

- a) Semua jumlah di mana **Orang Yang Diinsuranskan** menjadi liabiliti di sisi undang-undang untuk membayar pampasan berkenaan dengan:
  - i. **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** kepada pihak ketiga.
  - ii. Kerosakan akibat **Kejadian Malang Yang Tidak Disengajakan** kepada harta benda pihak ketiga.
- b) Semua kos dan perbelanjaan litigasi:
  - i. diperoleh semula oleh mana-mana pihak atau pihak-pihak yang menuntut daripada **Orang Yang Diinsuranskan**.
  - ii. ditanggung dengan persetujuan bertulis **Kami**.

Had Wilayah: Perlindungan seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada

Pengecualian kepada Faedah 11

**Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk:

- a) sebarang liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:
  - i. pemilikan, kepunyaan atau penggunaan mana-mana tanah atau bangunan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan**.
  - ii. penglibatan atau pelaksanaan dalam perniagaan, pekerjaan atau profesion oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.
  - iii. penggunaan kuda untuk memburu, perlumbaan atau lumba berhalangan.
  - iv. penggunaan kendaraan, bot, pesawat atau model pesawat yang dimiliki oleh atau dalam jagaan atau kawalan **Orang Yang Diinsuranskan** atau kakitangan beliau.
  - v. Haiwan (selain kucing atau anjing) yang dimiliki oleh, atau dalam penjagaan, jagaan atau kawalan **Orang Yang Diinsuranskan**.
- b) Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada mana-mana orang yang semasa mengalami kecederaan sedang berkhidmat dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau untuk tuntutan pampasan daripada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh pihak yang mengalami kecederaan atau tanggungannya di bawah mana-mana Akta Pampasan Pekerja.
- c) Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada mana-mana orang yang merupakan ahli keluarga terdekat **Orang Yang Diinsuranskan** atau ahli keluarga isi rumah **Orang Yang Diinsuranskan**.

- d) Liabiliti yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dimiliki oleh atau di bawah kuasa atau dalam kawalan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana orang yang berkhidmat dengan **Orang Yang Diinsuranskan**.
- e) Sebarang liabiliti yang ditanggung melalui perjanjian tetapi ia bukan liabiliti yang boleh dilampirkan jika perjanjian tersebut tidak wujud.
- f) Sebarang liabiliti yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyebaran sebarang penyakit berjangkit oleh mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan**.

## **12. PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN DAN PENGHANTARAN BALIK KETIKA DI LUAR NEGARA (TERMASUK PENYAKIT)**

**Kami** akan menguruskan dan membayar perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** bagi pengangkutan kecemasan dan penjagaan perubatan dalam perjalanan untuk memindahkan **Orang Yang Diinsuranskan** yang berada dalam keadaan perubatan kritikal disebabkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa berada di **Luar Negara** dari **Hospital** yang mula-mula dimasukkan ke **Hospital** yang terdekat di mana kemudahan dan rawatan tersedia ada. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital di **Luar Negara** akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** dan adalah perlu dari segi perubatan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** dihantar balik ke Malaysia untuk rawatan lanjut, **Kami** akan menguruskan dan membayar kos penghantaran balik yang munasabah dan diperlukan termasuk kos pengangkutan yang munasabah bagi seorang pembantu perubatan berkelayakan untuk menemani **Orang Yang Diinsuranskan**. **Kami** akan membayar sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi faedah ini tertakluk kepada peruntukan, pengecualian dan syarat-syarat **Polisi**.

**Kami** telah melantik Europ Assistance sebagai penyedia perkhidmatan 24 jam bagi Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik ketika **Orang Yang Diinsuranskan** berada di **Luar Negara**. Selain itu, **Orang Yang Diinsuranskan** juga boleh menghubungi Europ Assistance untuk mendapatkan nasihat perubatan melalui telefon, rujukan penyedia perkhidmatan perubatan dan inokulasi serta maklumat keperluan visa sebelum perjalanan.

Sekiranya berlaku pemindahan perubatan dan penghantaran balik, **Orang Yang Diinsuranskan** mestilah menghubungi Europ Assistance di talian 03-7841 5750 / 03-7628 3770 untuk mendapatkan bantuan dan:

- a) **Kami** atas nasihat Europ Assistance dalam melaksanakan Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik akan kedua-dua pihak mempunyai hak mutlak untuk membuat keputusan sama ada **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami keadaan perubatan yang kritikal dan serius akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** untuk mewajarkan pemindahan perubatan dan penghantaran balik. **Kami** dan Europ Assistance selanjutnya berhak untuk memutuskan tempat ke mana **Orang Yang Diinsuranskan** akan dipindahkan dan cara atau kaedah untuk pengangkutan dan penghantaran balik.
- b) **Kami**, melalui Europ Assistance, akan sedaya upaya atas dasar usaha terbaik menyediakan perkhidmatan dan tertakluk kepada ketersediaan sumber tempatan dan/atau antarabangsa dan mesti mengikut bidang undang-undang dan peraturan negara dan antarabangsa. Campur tangan boleh bergantung kepada Europ Assistance dalam mendapatkan kebenaran yang perlu dikeluarkan oleh beberapa pihak berkuasa berkaitan, yang berada di luar kawalan atau pengaruh Europ Assistance.
- c) **Kami** tidak boleh menyediakan perkhidmatan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**, yang pada pendapat mutlak **Kami** dan Europ Assistance berada di kawasan-kawasan di mana keadaan semasanya memustahilkan perkhidmatan diberi, secara munasabah tidak sesuai dilaksanakan atau tidak selamat, termasuk tetapi tidak terbatas kepada lokasi geografi terpencil, keadaan cuaca yang buruk, risiko peperangan atau pergolakan politik.
- d) **Kami** tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan dalam apa cara sekiranya berlaku sebarang kegagalan oleh Europ Assistance untuk memberikan perkhidmatan atau apa-apa kecuaian, yang disengajakan atau tidak disengajakan, dengan pihak Europ Assistance dalam memberikan perkhidmatan.
- e) Dalam hal penyedia perkhidmatan berhenti untuk menyediakan perkhidmatan, **Kami** berhak untuk melantik penyedia perkhidmatan lain bagi menyambung penyediaan perkhidmatan berkenaan.
- f) Faedah ini tidak dijamin dan **Kami** berhak untuk menyemak semula, menggantung, memansuhkan atau membatalkan faedah ini pada bila-bila masa dengan menghantar notis bertulis memaklumkan yang sama kepada **Anda** di alamat **Anda** yang terakhir diketahui sebagaimana yang dimaklumkan kepada **Kami**. Dalam keadaan sedemikian, premium akan diselaraskan dengan sewajarnya, sekiranya difikirkan perlu oleh **Kami**.

Pengecualian kepada Faedah 12

- a) Pertukaran pekerja ke **Luar Negara** sebagai sebahagian daripada pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan** dan tugas manual yang berkaitan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesi.
- b) Perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan** adalah bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh **Doktor** dan/atau mengembara untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.
- c) **Keadaan Pra-Wujud**.
- d) Perbelanjaan yang ditanggung di Malaysia.

### **13. PERBELANJAAN PERUBATAN DIKENAKAN KETIKA DI LUAR NEGARA (TERMASUK PENYAKIT)**

Kami akan membayar balik sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk perbelanjaan perubatan, penghospitalan, pembedahan dan rawatan (termasuk kos rawatan kecemasan pergigian bagi mengurangkan kesakitan yang dialami secara tiba-tiba tidak termasuk penggantian gigi palsu dan korona) yang diperlukan di **Luar Negara** yang membawa kepada tuntutan jika **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** atau **Penyakit** dalam **Tempoh Insurans**.

Pengecualian kepada Faedah 13

- a) Rawatan perubatan di Malaysia.
- b) Rawatan atau pembedahan yang tidak diperlukan, atau caj tambahan bagi bilik persendirian, penginapan, kecuali diperlukan dari segi perubatan
- c) **Keadaan Pra-Wujud**.
- d) Kehamilan, keguguran atau kelahiran bayi melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.
- e) Pertukaran pekerja ke **Luar Negara** sebagai sebahagian daripada pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan** dan tugas manual yang berkaitan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesi.
- f) Rawatan pembedahan, perubatan atau pergigian yang menurut pendapat **Doktor** yang merawat **Orang Yang Diinsuranskan** boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga **Orang Yang Diinsuranskan** pulang ke Malaysia.
- g) Perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan** adalah bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh **Doktor** dan/atau mengembara untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.

### **14. LAWATAN EHSAN AKIBAT KEMATIAN/PENGHOSPITALAN ORANG YANG DIINSURANSKAN KETIKA DI LUAR NEGARA (TERMASUK PENYAKIT)**

Kami akan membayar balik sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk perbelanjaan tambahan bilik penginapan biasa yang ditanggung di **Luar Negara** dan perbelanjaan perjalanan bagi seorang saudara atau rakan yang diperlukan (jika tiada orang dewasa ahli keluarga terdekat **Orang Yang Diinsuranskan** bersama):

- a) atas nasihat perubatan daripada **Doktor** yang merawat untuk membuat perjalanan atau menemani **Orang Yang Diinsuranskan** kerana penghospitalannya akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** ketika di **Luar Negara** yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**; atau
- b) untuk membantu dalam urusan pengebumian atau pembakaran mayat sekiranya kematian **Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit** ketika di **Luar Negara** yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**.

Pengecualian kepada Faedah 14

- a) **Keadaan Pra-Wujud**.
- b) Pertukaran pekerja ke **Luar Negara** sebagai sebahagian daripada pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan** dan tugas manual yang berkaitan dengan mana-mana perniagaan, pekerjaan atau profesi.
- c) Perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan** adalah bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh **Doktor** dan/atau perjalanan tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan rawatan perubatan.
- d) Perbelanjaan yang ditanggung di Malaysia.

**3**

## **Seksyen 2: Kecurian**

### **FAEDAH-FAEDAH**

#### **15. KEHILANGAN WANG AKIBAT KECURIAN RAGUT DI MANA SAHAJA DI MALAYSIA (HAD AGREGAT TAHUNAN RM1,000 UNTUK SEORANG)**

Kami akan membayar pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** seperti dinyatakan dalam **Jadual** untuk kehilangan **Wang** yang disebabkan oleh **Kecurian Ragut** atau Cubaan **Kecurian Ragut**. Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada yang berikut:

Laporan polis mestilah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian **Kecurian Ragut** atau Cubaan **Kecurian Ragut**.

Pengecualian kepada Manfaat 15

- a) Kehilangan akibat sebarang perbuatan penipuan, tidak jujur atau jenayah oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, orang yang dikenali oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau ahli keluarga **Orang Yang Diinsuranskan**, sama ada bertindak bersendirian atau bersubhat dengan pihak lain.

- b) Kehilangan yang disebabkan oleh **Kecurian** mana-mana hak milik atau pemilikan mana-mana harta benda **Orang Yang Diinsuranskan** akibat skim penipuan, helah, peranti atau dakwaan palsu.
- c) Kehilangan akibat diseluk poket.
- d) Kehilangan atau kerosakan yang sewaktu kejadian yang menyebabkan berlakunya kehilangan atau kerosakan tersebut telah diinsuranskan oleh atau, tetapi dengan kewujudan **Polisi** ini, diinsuranskan oleh mana-mana **Polisi** lain sedia ada kecuali yang berkaitan dengan sebarang ekses yang melebihi amaun yang sepatutnya perlu dibayar di bawah **Polisi** lain tersebut sekiranya insurans ini tidak berkuat kuasa.

## **16. KEHILANGAN BARANGAN PERIBADI AKIBAT KECURIAN RAGUT DI MANA SAHAJA DI MALAYSIA (HAD AGREGAT TAHUNAN RM1,000 UNTUK SEORANG)**

Untuk kejadian **Kecurian Ragut**, Kami akan memberi indemnititi kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk setiap insiden;

- a) Untuk kehilangan dompet, beg duit atau beg dalam pemilikan **Orang Yang Diinsuranskan** sewaktu kejadian berserta kandungan di dalamnya atau kehilangan barang berharga atau barang kemas yang dipakai oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.
- b) Untuk kehilangan kad pengenalan, pasport, lesen memandu, kad kredit/debit, kad akses untuk memasuki bangunan/tempat letak kereta, milik **Orang Yang Diinsuranskan**, Kami akan membayar yuran penggantian untuk mendapatkan semula dokumen tersebut.

**Orang Yang Diinsuranskan** mestilah membuat laporan polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian dan menyerahkan laporan polis tersebut kepada **Kami**.

### Pengecualian kepada Manfaat 16

- a) Kehilangan, kerosakan atau kemerosotan barang berharga peribadi yang disebabkan oleh haus dan lusuh biasa atau punca lain yang berlaku secara beransur-ansur atau disebabkan oleh sebarang proses pembersihan, pencelupan atau pengubahsuaian atau keadaan iklim atau atmosfera.
- b) Kehilangan akibat sebarang perbuatan penipuan, tidak amanah atau jenayah yang dilakukan oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, orang yang dikenali oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, atau ahli keluarga **Orang Yang Diinsuranskan**, sama ada bertindak sendirian atau berpaktat dengan orang lain.
- c) Kehilangan atau kerosakan kepada barang peribadi berharga **Orang Yang Diinsuranskan** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - i. Perbuatan sengaja atau berniat jahat atau kecuaian atau kelalaian **Orang Yang Diinsuranskan**.
  - ii. Tercicir, salah letak atau kehilangan misteri.
  - iii. Luntur, calar, cat menggelupas atau sebarang kerosakan lain yang menjelaskan rupa barang peribadi tetapi tidak menyebabkan ia tidak berfungsi;
- d) Kehilangan yang disebabkan oleh **Kecurian** mana-mana hak milik atau pemilikan mana-mana harta benda **Orang Yang Diinsuranskan** akibat skim penipuan, helah, peranti atau dakwaan palsu;
- e) Kehilangan akibat diseluk poket.
- f) Kehilangan atau kerosakan yang sewaktu kejadian yang menyebabkan berlakunya kehilangan atau kerosakan tersebut telah diinsuranskan oleh atau, tetapi dengan kewujudan **Polisi** ini, diinsuranskan oleh mana-mana **Polisi** lain sedia ada kecuali yang berkaitan dengan sebarang ekses yang melebihi amaun yang sepatutnya perlu dibayar di bawah **Polisi** lain tersebut sekiranya insurans ini tidak berkuat kuasa.

## **17. KEHILANGAN KANDUNGAN ISI RUMAH AKIBAT KECURIAN (DENGAN PECAH MASUK SECARA PAKSA)**

Sekiranya **Anda** menanggung kerugian atau kerosakan fizikal kepada **Kandungan Isi Rumah** di Malaysia berdasarkan situasi risiko yang diisyiharkan kepada **Kami** yang disebabkan oleh **Kecurian**, tetapi hanya jika ia disertai dengan kemasukan secara paksa dan kekerasan masuk ke dalam atau ke luar keadaan risiko seperti yang diisyiharkan, maka **Kami** akan membayar balik kerugian sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

### Pengecualian kepada Manfaat 17

- a) Kehilangan atau kerosakan yang berlaku dengan penglibatan atau perbuatan sengaja Anda sendiri.
- b) Kehilangan (sementara atau kekal) harta diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya akibat dirampas, dituntut, ditahan atau didiami secara sah atau tidak sah ke atas Risiko Situasi tersebut sebagaimana diisyiharkan kepada **Kami** oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan.
- c) Stok dan/atau barang yang berkaitan dengan perniagaan atau pekerjaan **Anda**.
- d) Peralatan fotografi dan peralatan dan aksesori sukan dan peralatan muzik.
- e) Kenderaan bermotor, bot, haiwan ternakan, basikal dan apa-apa kelengkapan atau aksesori yang berkaitan dengannya.

- f) Kehilangan atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah sebarang **Polisi** insurans lain, atau dibayar ganti rugi oleh mana-mana pihak lain.

## 18. PENGGANTIAN PINTU, KUNCI, TINGKAP (SEHINGGA RM200) SETAHUN

Kami akan memberi indemniti kepada **Anda** berkaitan kos yang ditanggung untuk membaiki, menukar atau mengganti kunci luar, pintu atau tingkap yang disebabkan oleh pecah masuk secara paksaan akibat **Kecurian**. Tertakluk bahawa liabiliti **Kami** terhad kepada **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk mana-mana satu kejadian dan dalam agregat.

4

## Fasal

### Fasal yang diguna pakai untuk Seksyen 1

#### MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada Mogok, Rusuhan dan Kekecohawam yang disebabkan secara langsung oleh:

- a) Tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk atau tidak);
- b) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan membanteras apa-apa gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan kesan daripada apa-apa gangguan sedemikian;
- c) Tindakan yang disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang menyekat masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada sesuatu mogok atau sebagai tentangan kepada sekat masuk;
- d) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah apa-apa tindakan sedemikian atau dalam mengurangkan kesan akibat daripada apa-apa tindakan sedemikian.

Sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah fasal ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah membuktikan bahawa **Kecederaan Anggota Badan** tersebut timbul berasingan daripada dan tidak ada kena mengena dengan atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau boleh dikesan kepada mana-mana kejadian tersebut atau apa-apa akibatnya. Sekiranya hal itu gagal dibuktikan, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Dengan syarat bahawa berhubung dengan peluasan ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mengalami **Kecederaan Anggota Badan** sebagaimana ditakrifkan di bawah **Polisi** sebagai pemerhati yang tidak bersalah dan bukan sebagai akibat penglibatan aktif secara langsung atau tidak langsung dalam Mogok, Rusuhan atau Kekecohawam sedemikian.

#### RAMPASAN

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada rampasan sama ada dalam pengangkutan darat sebagai penumpang yang memegang tiket atau semasa menaiki pesawat sebagai penumpang yang memegang tiket bagi penerbangan berjadual tetap dalam pesawat jenis biasa berlesen penuh yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang diiktiraf atau sebagai penumpang berbayar di atas mana-mana kapal laut yang digunakan untuk membawa dan mengangkut penumpang.

#### LEMAS

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya sebagaimana ditakrifkan di sini yang timbul daripada atau akibat mati lemas dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luaran atau keganasan ketara.

#### SUKAN AMATUR

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya yang timbul ketika **Orang Yang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam sukan dalaman atau luaran sebagai amatur.

#### PEMBUNUHAN DAN SERANGAN

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa perlindungan yang diperuntukkan di bawah **Polisi** ini termasuk Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya yang secara langsung disebabkan oleh serangan atau pembunuhan atau sebarang percubaannya ke atas **Orang Yang Diinsuranskan**, tidak termasuk pembunuhan dan serangan yang disebabkan oleh provokasi oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

## **KEHILANGAN**

Adalah dengan ini dipersetujui dan difahami bahawa sekiranya selepas tempoh satu (1) tahun telah berlalu dan **Kami** telah meneliti segala bukti yang ada dan tidak mempunyai alasan untuk mengandaikan apa-apa selain daripada suatu **Kemalangan** telah berlaku dan bahawa Mahkamah telah mengumumkan **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut sebagai hilang dan dianggap telah meninggal dunia di sisi undang-undang, maka kehilangan tersebut hendaklah dianggap boleh dituntut di bawah **Polisi** ini.

Adalah dengan ini dipersetujui dan difahami selanjutnya bahawa sekiranya pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat dan **Orang Yang Diinsuranskan** didapati masih hidup, maka apa-apa jumlah yang telah dibayar oleh **Kami** hendaklah, dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh penemuan tersebut, dikembalikan semula sepenuhnya kepada **Kami**.

## **SUKAN MUSIM SEJUK**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya ketika mengambil bahagian dalam aktiviti sukan musim sejuk sebagai amatur.

## **BENCANA ALAM**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya yang disebabkan oleh gempa bumi, banjir, letusan gunung berapi, ombak besar, panahan petir, ribut, hurikan, siklon, taufan, La Nina dan gelinciran tanah/tanah runtuh.

## **PENDEDAHAN KEPADA UNSUR ALAM**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini melindungi **Kecederaan Anggota Badan** yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur alam akibat **Kemalangan** yang dilindungi di bawah ini dengan syarat bahawa sekiranya kematian **Orang Yang Diinsuranskan** diakibatkan oleh pendedahan kepada unsur alam di mana kematian ini tertakluk kepada siasatan badan kehakiman yang ditubuhkan sewajarnya yang mendapat bahawa kematian **Orang Yang Diinsuranskan** adalah disebabkan oleh pendedahannya akibat **Kemalangan**.

## **MENUNGGANG MOTOSIKAL**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** ketika menunggang motosikal atau sebagai pemborceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat bahawa **Kami** tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, perentak perlumbaan (pace-making) atau penglibatan **Orang Yang Diinsuranskan** dalam mana-mana pertandingan kepantasan, keandalan atau ujian-ujian lain.

## **MEMBURU**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya ketika terlibat dalam aktiviti pemburuan, dengan syarat kelulusan permit/lesen daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperoleh dan **Orang Yang Diinsuranskan** memegang lesen yang sah untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan pemburuan sahaja.

## **MENYELAM SKUBA**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya ketika mengambil bahagian dalam aktiviti menyelam skuba sebagai amatur.

## **SESAK NAFAS AKIBAT ASAP, WASAP ATAU GAS BERACUN**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya yang timbul akibat daripada sesak nafas akibat **Kejadian Malang Yang Tidak Disengajakan** oleh Asap, Wasap atau Gas Beracun.

## **KERACUNAN MAKANAN DAN/ATAU MINUMAN**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** daripada Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya seperti yang ditakrifkan sebagai akibat daripada keracunan makanan dan/atau minuman akibat **Kejadian Malang Yang Tidak Disengajakan**.

Perbelanjaan Perubatan akibat keracunan makanan dan/atau minuman akan dibayar dengan syarat **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital untuk tempoh minimum lapan (8) jam berturut-turut.

## **GIGITAN SERANGGA, UALAR, BINATANG PEROSAK DAN HAIWAN**

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi Kematian Akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau kehilangan upaya **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada gigitan serangga, ular, binatang perosak dan haiwan tidak termasuk sakit atau **Penyakit** yang disebabkan oleh parasit, bakteria atau virus yang dibawa oleh gigitan serangga, ular, binatang perosak dan/atau haiwan.

## Fasal yang diguna pakai untuk Seksyen 2

### MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian, Hilang Upaya Kekal atau hilang upaya akibat **Kemalangan** kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam yang disebabkan secara langsung oleh:

- a) Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekut masuk atau tidak);
- b) Tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana-mana gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat gangguan tersebut;
- c) Perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk yang menyokong suatu mogok atau menentang sekut masuk;
- d) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah apa-apa tindakan sedemikian atau dalam mengurangkan kesan akibat daripada apa-apa tindakan sedemikian.

### FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA (Diguna pakai untuk Manfaat 17 sahaja)

Fasal Nilai Penggantian / Nilai Pengembalian (kecuali item stok) (untuk item berumur sehingga 5 tahun) Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya harta benda diinsuranskan di bawah **Polisi** ini telah hilang, musnah atau rosak, atas pengiraan amaun yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini adalah kos untuk mengembalikan atau menggantikan harta benda yang sama jenis atau bentuk tetapi bukan lebih baik atau lebih mahal daripada keadaan harta benda yang diinsuranskan semasa baru.

Tertakluk bahawa seandainya semasa penggantian atau pengembalian semula dibuat, jumlah yang mewakili kos yang sepatutnya ditanggung untuk mengganti atau mengembalikan semula jika seluruh harta benda yang dilindungi telah hilang, musnah atau rosak adalah melebihi **Jumlah Diinsuranskan** di sini semasa permulaan sebarang kehilangan, kemusnahan atau kerosakan ke atas harta benda tersebut yang disebabkan oleh peril yang dilindungi dalam **Polisi** ini, maka **Anda** akan dianggap sebagai penginsurans sendiri untuk ekses tersebut dan perlu membayar perkadarannya untuk kerugian tersebut. Adalah dengan ini dipersetujui bahawa fasal ini diguna pakai untuk item yang tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pembuatan.

Tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat **Polisi** ini.

### FASAL PELANGGARAN SYARAT

Syarat dan waranti **Polisi** ini hendaklah diguna pakai secara individu untuk setiap risiko yang diinsuranskan dan bukan secara kolektif ke atas mereka.

Oleh itu, pelanggan mana-mana syarat atau waranti akan menyebabkan **Polisi** menjadi tidak sah hanya ke atas semua risiko yang berkaitan dengan pelanggaran tersebut sahaja dan ia tidak menjelaskan **Polisi** ini untuk semua risiko lain.

### KECURIAN SECARA PENIPUAN (FASAL PENIPUAN)

**Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau berpunca daripada tindakan penipuan oleh mana-mana orang yang termasuk dalam maksud takrifan kesalahan penipuan yang dinyatakan di bawah Kanun Keseksaan.

Penipuan sebagaimana ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan adalah “mana-mana orang yang dengan memperdayakan orang lain, secara penipuan atau dengan tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menyerahkan apa-apa harta benda atau dengan sengaja mendorong orang diperdayakan supaya tertipu untuk melakukan atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa yang beliau tidak akan melakukan atau tinggalkan jika dia tidak diperdayakan untuk berbuat demikian, dan yang mana tindakan atau ketinggalan telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau kemudaratan kepada orang tersebut terhadap tubuh badan, minda, reputasi atau harta benda, dikatakan sebagai telah Menipu”.

### FASAL POLISI TIDAK DINILAI

Ini adalah **Polisi** tidak dinilai. Anda bertanggungjawab untuk membuktikan kos sebenar harta benda diinsuranskan semasa ia mengalami kemusnahan atau jumlah sebenar kerosakan tersebut.

### FASAL PECAH AMANAH JENAYAH

**Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau berpunca daripada tindakan pecah amanah jenayah oleh mana-mana orang yang termasuk dalam maksud takrifan kesalahan pecah amanah jenayah yang dinyatakan di bawah Kanun Keseksaan. Pecah amanah jenayah sebagaimana ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan adalah: “Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan tidak jujur telah menyalahgunakan harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan tidak jujur telah menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan pecah amanah jenayah.”

## FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA BENDA

Kerosakan harta benda yang dilindungi di bawah **Polisi** ini bermaksud kerosakan fizikal ke atas bahan harta benda tersebut. Kerosakan fizikal ke atas bahan harta benda tersebut tidak merangkumi kerugian atau kerosakan pada data atau perisian, terutamanya sebarang perubahan ketara dalam data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau kecacatan struktur asal.

Oleh kerana itu, yang berikut adalah dikecualikan daripada **Polisi** ini:

- a) Kerugian atau kerosakan pada data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan ketara dalam data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau kecacatan struktur asal, dan sebarang kerugian akibat gangguan perniagaan yang disebabkan oleh kehilangan atau kerosakan tersebut. Tanpa mengambil kira pengecualian ini, kehilangan atau kerosakan pada data atau perisian yang disebabkan secara langsung oleh kerosakan fizikal dilindungi pada bahan harta benda akan dilindungi.
- b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh masalah untuk berfungsi, kesediaan, jarak penggunaan atau capaian data, perisian atau program komputer, dan sebarang kerugian akibat gangguan perniagaan yang disebabkan oleh kehilangan atau kerosakan tersebut.

## PENGENDORSAN KEROSAKAN DENGAN NIAT JAHAT

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa insurans di bawah Pengendorsan Rusuhan, Mogok dan Kekacauan Awam akan diperluaskan untuk merangkumi Kerosakan Dengan Niat Jahat yang mana untuk tujuan perluasan ini akan bermaksud:

Kerugian atau kerosakan kepada harta benda diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh tindakan jahat mana-mana orang (sama ada atau tidak perbuatan tersebut menyebabkan gangguan ketenteraman awam) yang bukan merupakan perbuatan yang menyamai atau berkaitan dengan kejadian yang dinyatakan di bawah pengecualian Pengendorsan Rusuhan, Mogok dan Kekacauan Awam, maka **Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau letupan termasuk juga sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau dalam kejadian rompakan, pecah rumah, **Kecurian** atau larseni atau sebarang percubaan mengenainya atau disebabkan oleh mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam perbuatan tersebut.

Tertakluk bahawa semua syarat dan proviso Pengendorsan Rusuhan, Mogok dan Kekacauan Awam hendaklah diguna pakai seolah-olah ia telah dimasukkan di sini.

## FASAL KENDERaan TANPA PENGAWASAN

Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bercanggah di dalam **Polisi** ini, adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini tidak melindungi kehilangan atau kerosakan akibat kecurian atau penggeledahan atau sebarang percubaan seumpamanya ke atas harta benda yang diinsuranskan semasa kenderaan yang dirujuk dalam **Polisi** ini dibiar tanpa pengawasan di mana-mana tempat awam atau ditinggalkan atau disimpan untuk sementara di mana-mana garaj atau premis seumpamanya kecuali kenderaan tersebut telah dikunci sewajarnya di semua ruang akses dan kecuali jika kehilangan atau kerosakan tersebut berpunca daripada pecah masuk dengan kekerasan ke dalam kenderaan yang melibatkan kerosakan luaran dan boleh dilihat pada kenderaan dan/atau tempat di mana harta benda diinsuranskan tersebut disimpan.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

## NILAI PASARAN (Diguna pakai untuk Manfaat 16 sahaja)

Jika berlaku kerugian atas harta benda yang diinsuranskan di sini, **Kami** akan membayar nilai diinsuranskan atau nilai pasaran harta benda yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, selepas menolak sebarang ekses dan amaun yang perlu **Anda** bayar di bawah **Polisi** ini. Untuk tujuan fasal ini, terma 'Nilai Pasaran' bermaksud nilai harta benda diinsuranskan semasa berlaku kerugian atau kerosakan, ditolak peruntukan untuk haus dan lusuh dan/atau susut nilai.

**Nilai Pasaran** harta benda diinsuranskan akan, untuk tujuan fasal ini, ditentukan melalui penilaian yang **Kami** perolehi daripada pengilang, ejen tunggal atau ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa atau kontraktor bangunan mengenai kos penggantian atau pengembalian semula, tertakluk kepada penggunaan susut nilai sewajarnya, ke atas harta benda diinsuranskan yang mengalami kerosakan atau kerugian, sebagaimana ketika kerosakan atau kerugian tersebut berlaku.

Jika semasa kerosakan atau kerugian berlaku, tidak ada pengilang, ejen tunggal atau ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa atau kontraktor bangunan untuk harta benda diinsuranskan tersebut, penilaian daripada ajuster kerugian berlesen dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau jurunilai berdaftar dibawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981, dan dilantik secara bersama oleh kedua-dua pihak. Penilaian oleh pengilang, ejen tunggal atau ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa, kontraktor bangunan, ajuster kerugian berlesen dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau jurunilai berdaftar dibawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 tersebut adalah bukti muktamad mengenai **Nilai Pasaran** harta benda dilindungi di dalam sebarang prosiding terhadap **Kami**.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

## KEROSAKAN KEPADA PREMIS

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk memberi indemnititi kepada **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kerugian atau kerosakan kepada premis **Anda** yang disebabkan oleh **Kecurian** atau sebarang cubaan mencuri, dengan liabiliti **Kami** terhad seperti dinyatakan dalam jadual untuk mana-mana satu kejadian.

## FASAL PASANGAN DAN SET

Dengan ini diperakui dan dipersetujui tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung di dalam **Polisi** yang bercanggah, di mana item yang diinsuranskan itu berbentuk sepasang atau dalam satu set, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai yang berkadaruntuk mana-mana bahagian yang mungkin hilang, tanpa merujuk kepada apa-apa nilai istimewa yang mungkin ada pada item ini yang berbentuk sepasang atau dalam satu set.

Jika tidak, tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat **Polisi** ini.

## FASAL PENGENALPASTIAN TARikh

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini telah dipinda seperti berikut:

- a) **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian dan kerosakan termasuk kehilangan penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk **Kecederaan Anggota Badan**), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, mikrocip media, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peralatan sepertinya, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta **Anda** atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
  - i) mengenal pasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalender sebenar;
  - ii) merakam, menyimpan, atau mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat daripada mengambil apa-apa tarikh selain daripada tarikh kalender sebenar; dan/atau
  - iii) merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat daripada operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- b) Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peralatan dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- c) Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk **Kecederaan Anggota Badan**) atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh **Anda** atau untuk **Anda** atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- d) Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada sebarang ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenal pasti dengan betul apa-apa tarikh kalender sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk **Kecederaan Anggota Badan**) atau apa-apa kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C dan D di atas adalah dikecualikan tanpa mengambil kira sebarang sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

## FASAL PENGECUALIAN RISIKO TENAGA NUKLEAR/RADIOAKTIF

Insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, sebarang bentuk kos atau perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tanpa mengambil kira sebarang punca atau kejadian yang berlaku serentak atau dalam sebarang kerugian sampingan:

- a) Radiasi terion daripada atau kontaminasi oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang bahan buangan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear.
- b) Bahan radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain bahaya atau pencemaran daripada mana-mana pemasangan nuklear reaktor atau pemasangan nuklear lain atau komponen nuklear daripadanya.
- c) Sebarang senjata perang yang menggunakan belahan dan/atau gabungan atom atau nuklear atau lain-lain seperti kuasa atau jisim reaksi atau radioaktif.

## PENGENDORSAN PENGECUALIAN KEGANASAN

Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bercanggah dengan insurans ini atau sebarang pengendorsan kepadanya, adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan dalam apa ju bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut sama ada terdapat sebab atau kejadian lain yang menyumbang kepadanya dalam tempoh yang sama atau dalam apa ju turutan kepada kerugian.

Untuk tujuan pengendorsan ini, tindakan pengganas bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ancaman, oleh mana-mana individu atau berkumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, keagamaan atau ideologi atau tujuan seumpamanya termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan masyarakat awam atau mana-mana bahagian masyarakat tertentu dalam ketakutan.

Pengendorsan ini juga tidak merangkumi kerugian, kecederaan, kerosakan, kos atau perbelanjaan di dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau berkait dengan sebarang tindakan pengganas.

Jika **Kami** mendakwa bahawa atas sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, kecederaan, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh **Polisi** ini, maka **Anda** bertanggungjawab untuk membuktikan ia adalah sebaliknya.

Jika berlaku keadaan di mana sebarang bahagian daripada pengendorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, semua bahagian lain masih kekal berkuat kuasa dan diguna pakai.

## 5

## Pengecualian

### Pengecualian diguna pakai kepada Seksyen 1

**Polisi** ini tidak memberikan perlindungan untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya:
  - a) oleh sebarang jenis sakit, **Penyakit**, wabak, virus, jangkitan atau parasit kecuali dinyatakan secara spesifik di bawah **Polisi** ini
  - b) oleh kecacatan kongenital
  - c) oleh gangguan yang bersifat psikologi, apa-apa keadaan keresahan dan/atau kemurungan, penyakit mental
  - d) oleh melahirkan anak, keguguran, mengandung atau sebarang komplikasi yang berkaitan melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.
2. Sebarang **Kecederaan Anggota Badan** yang menyebabkan hernia.
3. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan pada diri sendiri oleh **Orang Yang Diinsuranskan** tidak kira kewarasannya pada masa insiden berlaku atau ketidaksiuman.
4. Sebarang **Keadaan Pra-Wujud**, kecacatan atau kekurangan fizikal, sebarang jenis sawan.
5. Semasa melakukan atau cubaan untuk melakukan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti ketika **Orang Yang Diinsuranskan** berada di bawah pengaruh alkohol atau pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan (kecuali ubat-ubatan yang diambil mengikut preskripsi dan arahan **Doktor**, tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah), pendedahan diri secara sengaja kepada bahaya yang tidak diingini (kecuali dalam cubaan untuk menyelamatkan nyawa orang lain).
6. Kerugian yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, konspirasi, tindakan ketenteraan atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang membawa kepada pengisytiharan atau pengekalan keadaan darurat atau keadaan pengepungan, perampasan, kuarantin, peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alatan yang menggunakan pembelahan atom atau kuasa radioaktif, sama ada ketika aman atau semasa peperangan. Pengecualian ini tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana pengendorsan yang tidak merujuk secara khusus kepadanya, secara keseluruhan atau sebahagian. **Orang Yang Diinsuranskan** akan, sekiranya diperlukan, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti **Kami**, membuktikan bahawa kerugian tersebut walau dalam apa cara sekalipun bukan berpunca daripada atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab-sebab di atas.
7. Pengionan, radiasi, atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear.
8. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini dijangkiti atau dinamakan.
9. Terbang atau dalam perjalanan di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan.
10. Semasa terlibat dalam **Pergaduhan** atau **Demonstrasi**.
11. **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam:
  - a) Pengujian kepantasan, perlumbaan dan pertandingan motor rali, memanjat batu, mendaki atau merentasi kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen, luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, sebarang aktiviti yang melibatkan **Orang Yang Diinsuranskan** berada di udara (sama ada tergantung atau tidak) tidak

terhad kepada payung terjun, peluncuran gantung, penerokaan lubang, lompatan bungee, sukan terjun udara, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti, tinju, sukan/permainan profesional, sebarang bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, perentak perlumbaan, ujian kelajuan atau keandalan.

- b) Penggunaan mesin pertukangan kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal.
12. Kematian atau hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembunuhan atau serangan akibat daripada provokasi oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.
13. Pengecualian pekerjaan – **Orang Yang Diinsuranskan** yang bekerja sebagai atau terlibat dalam jenis pekerjaan yang disenaraikan di bawah (sama ada secara sementara atau tetap), tiada faedah akan dibayar di bawah **Polisi** ini bagi **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** atau **Penyakit** semasa dalam perkhidmatan aktif untuk mana-mana aktiviti berikut: pelumba, pemain sukan profesional, pelaut, pekerja pembalak, pekerja luar pesisir, anak kapal terbang, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali letusan, anak kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemunggah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, anggota tentera, perkhidmatan atau operasi tentera laut, darat atau udara, pasukan polis dan perkhidmatan penyelamat.
14. Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah.
15. Penglibatan langsung dalam tindakan pengganas.
16. **Orang Yang Diinsuranskan** membuat apa-apa perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perjalanan Kementerian Luar Negeri Malaysia atau Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan kejadian sebenar atau ugutan mogok, rusuhan, atau kekacauan awam, perang atau situasi seperti perang, letusan penyakit (termasuk wabak/pandemik) atau keadaan kesihatan yang tidak selamat, atau bencana alam yang akan berlaku, ke atas negara atau wilayah destinasi **Orang Yang Diinsuranskan**, kecuali perjalanan telah dimulakan sebelum penerbitan nasihat perjalanan.
17. Sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan **Orang Yang Diinsuranskan** tidak berupaya atau tidak dapat untuk membuat perjalanan dan keadaan tersebut dimaklumkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** atau diketahui oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau merupakan pengetahuan umum seperti yang dilaporkan di media pada masa **Orang Yang Diinsuranskan** membeli **Polisinya** atau semasa menempah perjalananannya (yang mana terkemudian).
18. Klausus Pengecualian Kerugian Siber Terhad
- a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam **Polisi** ini, **Polisi** ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
  - b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
    - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
    - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
    - iii. akses kepada, pemrosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
    - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
    - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
    - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
  - c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
  - d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
  - e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

## Pengecualian diguna pakai kepada Seksyen 2

**Polisi** ini tidak memberikan perlindungan untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku atas sebab atau diakibatkan oleh
  - a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak)
  - b) revolusi, pemberontakan atau kekecohan awam yang mencapai tahap kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, penentangan, rampasan kuasa atau tentera
  - c) Undang-undang tentera atau pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang membawa kepada pengisyiharan atau pengekalan keadaan darurat atau keadaan pengepungan

- d) sebarang tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti ke arah penggulingan dengan kekerasan, rampasan atau pemenjaraan yang berkaitan dengan mana-mana kejadian yang disebutkan di atas
- 2. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang kebakaran.
- 3. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana orang yang berada di **Premis** secara sah atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau dengan kerjasama teman serumah atau ahli isi rumah **Orang Yang Diinsuranskan** atau kakitangan perniagaan atau mana-mana pekerja **Orang Yang Diinsuranskan**.
- 4. Sebarang kerugian atau kemusnahan atau kerosakan atau sebarang bentuk perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan atau sebarang kerugian sampingan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang bahan buangan nuklear hasil pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi apa-apa proses pengekalan pembelahan nuclear.

## 6

## Syarat-syarat

### Syarat-syarat diguna pakai untuk Seksyen 1

#### 1. HAD WILAYAH

- a) Perlindungan untuk Faedah 12 - Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik ketika di **Luar Negara** (termasuk **Penyakit**), Faedah 13 – Perbelanjaan Perubatan Dikenakan ketika di **Luar Negara** (termasuk **Penyakit**) dan Faedah 14 – Lawatan Ehsan akibat Kematian/Penghospitalan **Orang Yang Diinsuranskan** ketika di **Luar Negara** (termasuk **Penyakit**) hanya diguna pakai semasa **Orang Yang Diinsuranskan** membuat perjalanan ke **Luar Negara**.
- b) Perlindungan untuk semua faedah lain (kecuali a di atas) di bawah **Polisi** ini ialah dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia melanjang ianya diendors atau dipinda.

#### 2. PERJALANAN/PEMASTAUTIN LUAR NEGARA

Hanya Faedah Kematian Akibat **Kemalangan** dan Hilang Upaya Kekal akan dibayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** menetap/melancong di luar Malaysia untuk tempoh melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

#### 3. PEMERIKSAAN PERUBATAN

**Kami** berhak dan berpeluang untuk menjalankan pemeriksaan ke atas **Orang Yang Diinsuranskan** sekerap yang perlu dan sewajarnya semasa tuntutan sedang dinilai, dan mempunyai hak untuk membuat autopsi dalam kes Kematian Akibat **Kemalangan** atas perbelanjaan **Kami**.

### Syarat-syarat diguna pakai untuk Seksyen 1 dan Seksyen 2

#### 1. KONTRAK

**Polisi** dan **Jadual** ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang akujanji, pernyataan, perlambangan, waranti, janji, jelas atau dibayangkan, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini, dan sebarang perkataan atau istilah yang dikaitkan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian **Polisi** atau **Jadual** ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian di mana juia mungkin muncul.

#### 2. SYARAT TERDAHULU KEPADA LIABILITI

**Anda/Orang Yang Diinsuranskan** seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan **Polisi** ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** dan mempengaruhi liabiliti **Kami** dalam membuat bayaran di bawah **Polisi** ini.

#### 3. PEMBATALAN OLEH KAMI

**Kami** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Anda** yang **Kami** ketahui dan akan menyatakan bila pembatalan tersebut akan berkuat kuasa. **Kami** akan memulangkan premium bagi bahagian belum luput **Tempoh Insurans** atas dasar pro rata. Pembatalan ini adalah tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang telah dibuat sebelum pembatalan **Polisi**.

#### 4. PEMBATALAN OLEH ANDA

**Anda** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada **Kami**. Sekiranya premium telah dibayar oleh **Anda** untuk tempoh yang menjangkaui tarikh pembatalan, kadar jangka pendek **Kami** yang lazim akan diguna pakai dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam **Tempoh Insurans**.

Kadar jangka pendek yang lazim:

Tempoh Diinsuranskan Tidak Melebihi	Peratusan (%) Kadar Tahunan Yang Dikenakan	Peratusan (%) Pemulangan Premium Tahunan
2 bulan (minimum)	40	60
3 bulan	50	50
4 bulan	60	40
5 bulan	70	30
6 bulan	75	25
Melebihi 6 bulan	100	Tiada pemulangan

#### 5. PENAMATAN AUTOMATIK POLISI

**Polisi** ini akan tamat secara automatik:

- Apabila berlaku kematian **Anda**; atau
- Selepas pembayaran Faedah 1 (Kematian Akibat **Kemalangan**) atau 100% Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) atau Faedah 3 (Indemniti Berganda) kepada **Anda**; atau
- Apabila **Anda** tidak memenuhi syarat kelayakan had umur; atau
- Apabila permit/pas kerja **Anda** luput atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia.

Kecuali bagi perkara 5 (a) dan (b) di atas, **Kami** akan memulangkan premium bagi bahagian belum luput **Tempoh Insurans** atas dasar pro rata dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam **Tempoh Insurans**.

#### 6. PENAMATAN AUTOMATIK FAEDAH POLISI

Faedah bagi setiap **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** akan ditamatkan secara automatik:

- Apabila berlaku kematian **Orang Yang Diinsuranskan**; atau
- Selepas pembayaran Faedah 1 (Kematian Akibat **Kemalangan**) atau 100% Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) atau Faedah 3 (Indemniti Berganda) **Orang Yang Diinsuranskan**; atau
- Apabila **Orang Yang Diinsuranskan** tidak memenuhi syarat kelayakan had umur; atau
- Apabila permit/pas kerja **Orang Yang Diinsuranskan** luput atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia.

Kecuali bagi perkara 6 (a) dan (b) di atas, **Kami** akan memulangkan premium bagi bahagian belum luput **Tempoh Insurans** atas dasar pro rata dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam **Tempoh Insurans**.

#### 7. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO

**Kami** berhak untuk menarik balik portfolio secara keseluruhanya sekiranya **Kami** memutuskan untuk tidak menyambung pengunderaitan produk insurans ini. Apabila menarik balik portfolio secara keseluruhan, notis bertulis tiga puluh (30) hari akan diberikan kepada **Anda** dan **Kami** akan terus menanggung semua **Polisi** sehingga tamat **Tempoh Insurans**/perlindungan.

#### 8. PERUBAHAN POLISI

Sebarang perubahan dalam **Polisi** ini adalah tidak sah melainkan diluluskan oleh pegawai diberi kuasa **Kami** dan kelulusan tersebut mestilah diendorskan sewajarnya.

## 9. TUNTUTAN

- a) Jika berlaku apa-apa **Kemalangan** di mana pampasan perlu dibayar di bawah **Polisi** ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah segera mendapatkan perkhidmatan **Doktor** dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh **Doktor** tersebut.
- b) Apabila berlaku sebarang **Kemalangan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Polisi** ini, **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh **Kemalangan** memberikan notis bertulis kepada **Kami** dan memberikan butiran penuh mengenai **Kemalangan** atau kejadian tersebut. Kematian **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah ditentukan menerusi Sijil Kematian rasmi atau sekiranya hilang selepas **Kemalangan**, oleh Mahkamah yang mengandaikan kematianya.
- c) Selepas berlakunya sebarang **Kemalangan** yang telah atau mungkin menimbulkan satu tuntutan, **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mengambil langkah-langkah terbaik untuk menjaga sebarang peralatan atau barang sama ada yang rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berhubung dengan sebarang tuntutan, dan setakat mana yang mungkin tiada pengubahsuaihan atau pemberian boleh dibuat kepada mana-mana barang yang berkaitan dengan atau terlibat dalam **Kemalangan** tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**. **Kami** berhak mengambil alih dan menguruskan atas nama **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** pembelaan sebarang tuntutan atau mendakwa atas nama **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** dengan perbelanjaan **Kami** dan untuk faedah **Kami** sendiri sebarang tuntutan bagi indemniti atau kerosakan atau selainnya terhadap mana-mana pihak dan mempunyai budi bicara penuh dalam mengendalikan mana-mana perundingan dan untuk menyelesaikan apa-apa tuntutan, dan **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan seperti yang **Kami** perlukan.
- d) Semua sijil, resit akaun, dokumen, maklumat dan bukti yang **Kami** perlukan hendaklah disediakan atas tanggungan **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang **Kami** tetapkan.

## 10. PENIMBANGTARAAN

Semua pertikaian yang timbul daripada **Polisi** ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan pelantikan seorang Penimbang Tara, merujuk kepada keputusan dua Penimbang Tara yang setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalender selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak atau dalam kes Penimbang Tara tidak mencapai persetujuan merujuk kepada keputusan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum membuat rujukan. Pengadil akan bersidang bersama dengan Penimbang Tara dan mempergerusikan mesyuarat mereka dan keputusan Penimbangtaraan adalah satu syarat sebelum tindakan boleh diambil ke atas **Kami**.

Jika **Kami** menafikan liabiliti terhadap **Anda** bagi sebarang tuntutan di bawah ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk untuk penimbangtaraan dalam tempoh dua belas (12) bulan kalender dari tarikh penafian tersebut di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan hendaklah dianggap telah digugurkan untuk segala tujuan dan tidak boleh dituntut kembali selepas ini.

## 11. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA

Indemniti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini tidak akan diguna pakai kepada atau termasuk:

- a) pampasan untuk kerugian bagi pengadilan yang bukan ditentukan atau diperolehi daripada Mahkamah dibawah bidang kuasa undang-undang di Malaysia.
- b) kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada **Anda** yang tidak ditanggung dan boleh dituntut balik di Malaysia.

## 12. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN SYARAT PEMBAHARUAN

**Polisi** ini akan loput/tamat pada tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** dan boleh diperbaharui secara tahunan berasaskan persetujuan bersama antara **Anda** dan **Kami**. **Polisi** ini adalah tertakluk kepada pindaan pada ulang tahun **Polisi** yang merupakan satu tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun selepas itu.

## 13. KEWAJIPAN PENDEDAHAN SEBELUM INSURANSINI DIBERIKAN

- a) Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) iaitu **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan tersebut boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan ganti rugi **Anda**, perubahan temar atau penamatkan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan temar yang akan dikenakan.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta, jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- b) Jika **Anda** tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejurnya, insurans mungkin tidak sah atau **Polisi** mungkin tidak melindungi **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** dengan sepenuhnya.

#### 14. KEWAJIPAN PENDEDAHAN DALAM TEMPOH INSURANS INI

Sepanjang perlindungan insurans ini **Anda** dikehendaki dengan serta-merta memberitahu **Kami** tentang apa-apa perubahan dalam pekerjaan, tugas kerja, aktiviti sukan atau apa-apa maklumat berkaitan **Orang Yang Diinsuranskan** yang boleh meningkatkan risiko. **Kami** mungkin:

- meminta **Anda** membayar premium tambahan bagi peningkatan risiko tersebut; atau
- membuat perubahan kepada terma dan syarat **Polisi** ini; atau
- membiarkan terma, syarat dan premium **Polisi** seadanya tanpa diubah.

**Anda** hanya akan dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh **Kami**.

#### 15. PEMBAYARAN PREMIUM – TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

**Anda** mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah **Polisi** ini berkuat kuasa.

#### 16. MATA WANG PEMBAYARAN

Semua jumlah yang dibayar sama ada kepada atau oleh **Kami** hendaklah dibayar dalam Ringgit Malaysia.

#### 17. DUA ATAU LEBIH POLISI

Jika pada bila-bila masa sebarang tuntutan di bawah faedah yang dilindungi dalam **Polisi** ini adalah berdasarkan pembayaran balik, dan terdapat mana-mana perlindungan insurans lain, sama ada dengan **Kami** atau syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada perkadaruan yang setimpal dengannya.

#### 18. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

**Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah **Polisi** ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau Malaysia.

## 7

### Fasal dan Pengendorsan

dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi  
(hanya diguna pakai sekiranya dinyatakan dalam Jadual)

#### PERLINDUNGAN KEGANASAN (Kecuali Penggunaan Senjata Pemusnah Besar-Besaran Nuklear, Kimia atau Biologi) - Diguna pakai untuk Seksyen 1

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi kematian, hilang upaya dan kerugian yang timbul akibat daripada tindakan Keganasan kecuali Keganasan akibat semata-mata daripada penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear, Kimia atau Biologi walau bagaimana cara sekalipun ia disebarluaskan atau digabungkan.

Untuk tujuan fasal ini:

- Keganasan bermaksud satu tindakan, atau tindakan-tindakan mana-mana individu, atau kumpulan individu, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuatkan orang awam atau mana-mana bahagian awam berada dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terbatas kepada, penggunaan kekerasan atau keganasan sebenar dan/atau ancaman penggunaan sedemikian. Tambahan pula, mereka yang melakukan Keganasan boleh bertindak sama ada secara bersendirian, atau bagi pihak, atau bersangkut paut dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan.

- b) Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear bermaksud penggunaan sebarang bahan letupan senjata nuklear atau peranti atau pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran bahan yang tahap radioaktifnya berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- c) Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Kimia bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelepasan sebarang sebatian kimia pepejal, cecair atau bergas yang, apabila disebarluaskan sepenuhnya, berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- d) Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Biologi bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran sebarang mikroorganisma patogenik (yang menghasilkan penyakit) dan/atau toksin yang terhasil secara biologi (termasuk organisme yang diubah suai secara genetik dan toksin yang disintesiskan secara kimia) yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.

#### **SYARAT-SYARAT KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO**

Akaun Calonan bermakna akaun yang dicalonkan oleh **Pihak Diinsuranskan** dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh **Pihak Diinsuranskan**, di mana premium untuk **Polisi** ini akan didebitkan atau dicajkan.

#### **Premium**

- a) Premium yang dinyatakan dalam **Jadual** patut dibayar pada tarikh ulang tahun **Polisi**;
- b) Premium akan dicajkan pada Akaun Calonan **Pihak Diinsuranskan** apabila tiba tempoh pembayaran.
- c) Pembayaran premium akan memperbaharui **Polisi** secara automatik.

#### **Pembatalan Secara Automatik**

- a) **Polisi** ini akan dibatalkan secara automatik dengan penamatan Akaun Calonan **Pihak Diinsuranskan** di mana premium untuk **Polisi** telah dicajkan.
- b) Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

## **8**

### **Notis Penting**

1. **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca **Polisi** ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, nasihat harus segera diberikan kepada **Kami** dan **Polisi** dikembalikan untuk perubahan.
2. **Pihak Diinsuranskan** yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Kami** boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan **Kami** dan sebagai alternatif boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

#### **a) Unit Pengendalian Aduan**

##### **Liberty General Insurance Berhad**

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan  
 Liberty Insurance Tower,  
 CT9, Pavilion Damansara Heights,  
 3, Jalan Damanlela,  
 Pusat Bandar Damansara,  
 50490 Kuala Lumpur.  
 Tel : +603-2268 3333 atau 1800 88 6333  
 Faks : +603-2268 2222

#### **b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)**

Tingkat 14, Blok Utama  
 Menara Takaful Malaysia  
 No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
 50000 Kuala Lumpur  
 Tel : +603-2272 2811  
 Faks : +603-2272 1577

#### **c) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat) Bank Negara Malaysia**

4th Floor, Podium Bangunan AICB,  
 No. 10, Jalan Dato' Onn,  
 50480 Kuala Lumpur.  
 No. Tel. : +603-2698 8044 (Talian Am) / 1 300 88 5465 (BNMLINK)  
 No. Faks : +603-2174 1515  
 e-Link : bnmlink.bnm.gov.my  
 Alamat emel : bnmlink@bnm.gov.my  
 Laman Web : www.bnm.gov.my